



Giatkan usaha pertahan, pulihara seni bina tradisional Melayu

Disember 16, 2022 @ 12:25pm

Nur Nabila Noor Azlee

Perkembangan pesat dunia globalisasi dengan kemajuan arus teknologi dan pemodenan membuatkan timbulnya kebimbangan mengenai masa masa depan bangunan warisan di negara ini.

Kekurangan pengetahuan dan pakar mengenai seni bina tradisional dibimbangi akan menyebabkan keunikan binaan lama dan warisan tidak mampu dipertahankan.

Di kampung, sebahagian rumah tradisional Melayu misalnya sudah mula menyembah bumi bagi memberi laluan kepada binaan kediaman moden. Selain itu penghijrahan ke bandar, menyebabkan rumah tradisional itu terbiar dan tidak berjaga.

Di bandar besar pula, binaan lama juga menghadapi nasib serupa. Ada yang perlu diruntuhkan bagi memberi laluan kepada kemodenan tetapi ada juga bernasib baik dipindahkan ke lokasi tumpuan awam dan dipulihara.

Arus kemodenan ada kala menakutkan. Ia menyebabkan warisan dan budaya setempat berdepan dengan cabaran kepupusan. Masyarakat kini seperti ketandusan rasa dan ada kalanya terlupa mengenai identiti bangsa sendiri.

Sedangkan dalam seni bina tradisional terhimpunnya kecerdikan dan kearifan masyarakat Melayu. Jika diamati tukang rumah zaman dahulu sangat menekankan aspek pembinaan rumah yang bersesuaian dengan iklim semasa. Seni bina rumah tradisional Melayu juga mempunyai hubungan erat dengan alam semula jadi, agama dan kebudayaan ketika itu.

Rumah tradisional Melayu mempunyai pelbagai jenis mengikut lokasi, budaya dan sejarahnya. Antaranya rumah limas, rumah serambi, rumah panjang, rumah bumbung panjang, rumah bujang, rumah kutai dan rumah potong Pattani. Setiap jenis rumah ini mempunyai keistimewaan serta keunikan seni bina tersendiri mengikut budaya dan sejarah masyarakat tempat itu.

Selain itu, seni bina rumah tradisional Melayu juga menzahirkan nilai estetika tinggi melalui keindahan reka bentuk serta seni ukir yang menjadi antara kemegahan tamadun Melayu.

Masyarakat dahulu amat arif dalam proses pembinaan rumah berasaskan kepada ilmu dan pengetahuan yang diadaptasi dari alam dan persekitaran mereka.

Lambang identiti, jati diri

Bagaimanapun sebahagian generasi muda hari ini kurang peka dengan kemahiran tukang rumah tradisional. Mereka gagal melihat bagaimana sejak dahulu kala, tukang rumah ini berjaya mengatasi pelbagai masalah bencana alam dan pada masa sama boleh memberikan keselesaan pengedaran udara serta keselamatan kepada penghuninya.

Sejauh manapun kita melangkah sebenarnya warisan tradisional harus dikekalkan. Ia adalah identiti dan jati diri selain testimoni bagaimana generasi sebelum kita mampu hidup dengan pengetahuan berasaskan alam.

Bagaimanapun hari ini kita sudah mula melihat ada pelbagai pihak yang mula menunjukkan kecenderungan terhadap pemuliharaan rumah tradisi. Malah di media sosial ada juga maklumat mengenai warisan tradisi sebegini yang secara tidak langsung menarik minat generasi muda.

Hal ini dapat menjadi pemangkin yang baik dalam meramaikan lagi kumpulan peminat seni bina tradisional. Ia sekali gus menimbulkan rasa sayang dan kagum kepada warisan budaya sendiri.

Dari sisi lain, kecenderungan itu akan mampu menjana pendapatan pula. Sektor pelancongan akan lebih meningkat jika kita mengekalkan keunikan rumah tradisional. Hal ini tentu saja disebabkan kedatangan pelancong ke Malaysia bagi melihat keunikan dan keistimewaan warisan sesebuah negara menerusi seni binanya.

Ketika ini, ada pihak yang bertindak proaktif dengan mengubah rumah tradisional milik mereka sebagai inap desa. Malah, halaman rumah tradisi diubah suai bagi tujuan penganjuran pelbagai majlis malah juga penggambaran filem.

Banyak kaedah sebenarnya boleh dibuat jika kita bersungguh-sungguh dalam pemuliharaan rumah tradisional. Usaha kita itu sebenarnya mampu mendorong seni bina tradisional lebih diminati dan seterusnya dipelajari terutama di peringkat universiti.

Justeru, penting untuk memupuk perasaan cinta terhadap seni bina tradisional dalam kalangan orang muda dengan memberi mereka pendedahan awal. Ia membantu melahirkan generasi muda peka kepada warisan selain mungkin juga yang mahir dalam pembinaan rumah tradisional.